

Ramlen Salleh meneropong kehidupan melalui fotografi



CATATAN KANVAS KOYAK

DR BAHARUDDIN MOHD ARUS

Ub 11.8.2019 9

RAMLEN anak kelahiran Pulau Labuan berkecimpung dalam seni visual sejak dibangku sekolah lagi. Walaupun begitu pencarian minat terhadap seni mula berputik apabila beliau mula berjinak-jinak dalam bidang fotografi dengan mengumpul koleksi foto penyanyi serta melihat karya yang terbaik melalui majalah fotografi yang dikongsikan bersama teman sepermainan.

Disamping itu, kecenderungan beliau dalam mendekati dan mendalami seni fotografi semakin meningkat apabila ditugaskan sebagai Pegawai Penerangan di Kementerian Penerangan cawangan Wilayah Persekutuan Labuan. Oleh kerana sentiasa berdamai dengan media tersebut beliau terpenggil untuk memperkasakan diri dengan disiplin seni berteknologi ini.

Bagi memurnikan kerja-kerja beliau Jabatan Penerangan Malaysia, beliau telah ditawarkan bagi melanjutkan pelajaran di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dalam jurusan komunikasi.

Selepas beliau menamatkan pengajian dan memperolehi ijazah sarjana muda dalam bidang komunikasi. Sejak daripada itu, semangat beliau semakin membuak-



FOTO Ramlen berkonsep-Projek Garisan Kuning

buah untuk menajamkan kemahiran dari sudut teknik serta teori komunikasi yang dipelajari ketika menuntut di UKM.

Beliau mengorak langkah bersama semangat yang membara untuk mencari pendekatan yang dapat mengilap bakat beliau seperti membaca, berlatih serta membuat penerokaan dalam bidang fotografi secara serius dan mendalam.

Walaupun bagaimanapun, oleh kerana salah satu aspek penting dalam komunikasi adalah bahan visual, maka dengan itu beliau mula membeli berbagai jenis kamera yang dapat menghasilkan karya yang diinginkan sama ada dengan konsep teknik mahupun peralatan. Hal ini sinonim dengan ungkapan hikmat dalam fotografi iaitu 'The Man Behind The Machine'.

Fotografi juga adalah merupakan hobi masa lapang beliau namun pendedahan melalui media massa yang menjadi tugas beliau membuatkan beliau dengan tidak disedari menarik minat kepada aliran media tersebut terutama sekali menjurus kepada fotografi jalanan, *tourist* dan dokumentari.

Beliau mula mempelajari ilmu fotografi secara serius sekitar tahun 2010 melalui kawan-kawan fotografi. Namun peluang terbuka pada tahun 2011 apabila diberikan ruang mengikut kursus Asas Fotografi anjuran Jabatan Belia dan Sukan Labuan. Selepas itu, demi untuk mendalami ilmu yang sangat diminati beliau telah menghadiri beberapa

buah bengkel dan seminar fotografi yang dianjurkan oleh Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan juga persatuan fotografi tempatan. Beliau menjadi semakin yakin akan bakat yang dimiliki.

Menjelang tahun 2014, beliau menjadi peserta dalam program *Kuala Lumpur International Photo Awards* dengan foto projek bertajuk *Yellow Line - Safe Zone* dibawah bimbingan mentor Cheryl J Hoffman yang merupakan seorang juru foto terkenal di peringkat antarabangsa.

Pengalaman yang ditimba dari proses pemilihan untuk mendapatkan projek *Yellow Line* tersebut membuka minda Ramlen bahawa fotografi bukan sekadar memfokuskan kamera kepada objek dan merakamnya, tetapi hakikatnya adalah lebih kompleks seperti mana yang dinyatakan oleh W Eugene Smith iaitu;

"What use is having a great depth of field, if there is not an adequate depth of feeling"

Antara lain tokoh foto Amerika Eugene Smith yang menegaskan bahawa apapun teknik yang dipraktikkan misalnya *depth of field*, jika pengamal foto tidak mempunyai kedalaman jiwa atau *depth of feeling* terhadap hal benda atau *subject matter* maka ianya tidak akan mencetuskan suatu kegemilangan karya.

Disamping itu apabila jaringan sahabat pengamal foto telah meningkat terutamanya di sekitar Pulau Labuan, maka beliau bersama teman rapat telah



RAMLEN

merealisasikan penubuhan Persatuan Fotografi Wilayah Persekutuan Labuan pada 20 Disember 2013 yang mana ia dapat dilihat sebagai bukti kejayaan yang tidak pernah dimimpikan dahulu.


Kini persatuan tersebut mengumpul ramai ahli dari kalangan anak muda dan Ramlen sebagai salah seorang pemimpin dalam persatuan tersebut. Seterusnya antara aktiviti utama Persatuan Fotografi Labuan ialah menganjurkan Pameran Fotografi di Wilayah Persekutuan Labuan bagi membolehkan jurugambar Labuan mempamerkan karya foto mereka. Antara pameran foto yang dianjurkan ialah Pameran Citrawarna "The Colours Of Malaysia truly Asia" yang turut dihadiri Perdana Menteri Malaysia sekitar tahun 2014).

Justeru Ramlen tidak menoleh lagi kebelakang malah beliau menghasilkan beberapa kejayaan didalam bidang fotografi seperti berjaya menghasilkan beberapa siri buku bergambar seperti *The Glimpse 2013, My Street View Seoul-Busan, 2014, My Photography - Yellow Line Project dan Cityscape* sekadar menyebut beberapa pencapaian beliau sebagai pengamal fotografi.

Hasil dari usaha yang tak mengenal jemu pada tahun 2017 beliau telah di anugerahkan tokoh Belia Wilayah Persekutuan Labuan. Walaupun banyak kejayaan yang diraih oleh pengamal foto Ramlen Salleh namun perjalanan seorang seniman gigih yang ingin menabur bakti melalui seni tidak mudah seperti yang dijangkakan.

Beliau juga seperti seniman yang berjaya mempunyai pengalaman pahit dan manis, menurut beliau semasa diproses pemilihan Projek Garisan Kuning yang bertaraf antarabangsa beliau telah diselidik dan disaring secara pemikiran dan konseptual sebagai seorang pengamal foto biasa mengikut projek foto berkonseptual adalah sesuatu yang menguji keegoan, sensitiviti, dan kredibiliti berdasarkan kepada berfikir di luar kotak dan juga pemikiran lateral secara De Bono.

Ramlen Salleh masih meneruskan mengumpul



PENULIS bersama jurufoto Ramlen.

ilmu foto yang beliau minati seperti yang di sarankan oleh Edward Weston fotografi bukan lah melihat semata-mata apa yang di lihat oleh mata. Penglihatan kita sentiasa berkecamuk dalam pergolakan sedangkan kamera berupaya merakam imej yang diasingkan, terpencil dan disusun pada saatnya yang setepatnya.

"Photography is not all seeing in the senses that the eye sees..... Our vision in the constant state of flux, while the camera capture and fix forever a single, isolated, condition of the moment-Edward Weston" 1886-1958.

Karya foto bertajuk *Tukang Perahu Kiamsam* mengutarakan gambar tukang perahu dari kaum etnik Suluk yang berkampung di pantai Kiamsam Pulau Labuan.

Komposisi foto menekankan kesan perspektif dimana rangka perahu kelihatan lebih besar dari tukangnyanya ini berkemungkinan hasrat

Ramlen ingin menunjukkan betapa pentingnya perahu tersebut kepada nelayan yang akan mencari kehidupan dengan mengharung laut yang luas lagi bergelora.

Sudut yang diambil dari mata ulat (*worm eye-view*) bermaksud kamera di letakkan di atas permukaan tanah bagi tujuan merakamkan ruang lokasi bertukang dengan cahaya dari kanan dan cahaya belakang (*Back lighting*). Walaupun dalam foto berwarna karya ini berjaya menimbulkan tahap tona yang murni, bermakna terdapat ruang gelap, pertengahan dan terang serta tona diantaranya.

Kehalusan karya ini jelas diberikan penekanan terutamanya garisan menegak dan membujur serta jalinan yang jelas pada kayu dan juga zink yang mempunyai urat yang selari dari depan hingga arah belakang gambar di rentasan pula oleh gelegar yang mewujudkan kesan

dinamik pada karya tersebut.

Suasa kerja yang di hasilkan oleh Ramlen untuk mewujudkan kesan emosi berbentuk kebanggaan pandai tukang perahu walaupun dengan keluhan kekangan kerana kepenatan.

Garis Kuning projek foto yang menekankan kepada konsep ketaatan serta keakuran manusia terhadap tanda seperti yang disarankan oleh Panosky dalam semiologi. Tanda atau simbol memberi makna sama ada baik, buruk, larangan ataupun sebaliknya dalam hal ini Ramlen melihat garis kuning umpama lampu isyarat yang memberi arah kepada khalayak. Garis kuning yang terdapat di bandar metro di lukis di atas jalan ataupun di persimpangan memberi isyarat kepada pemandu tidak boleh berada diruang terlalu lama kerana ia adalah larangan yang perlu di patuhi ketika memandu.

Terdapat juga keakuran penumpang yang tidak melangkah garis kuning ketika di stesyen LRT di takuti akan membahayakan nyawa ketika berada lebih dari garis tersebut.

Projek *Yellow Line* ini sangat memberangsangkan persepsi pelukis tidak hanya merakam gambar secara semberono tanpa maksud tertentu.

*****PENULIS merupakan Pensyarah Seni Visual, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan di Universiti Malaysia Sabah (UMS).*****



TUKANG Perahu, Kiamsam.



RAMLEN bersama guru dan pengamal foto terkenal Cheryl Hoffmann.